



*JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA*

# **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**14 September 2020**

1. Patah gigi dikejar anjing liar

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT  
BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN PENILAIAN VETERINAR  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

# KERATAN AKHBAR

Tarikh: 14 September 2020

Media Cetak/Elektronik	Kosmo	Catatan:
Ruangan	Negara	
M/Surat	13	
Perkara	Kawalan penyakit	



MUHAMMAD RAYYAN patah dua batang gigi akibat terjerat selepas dikejar dua anjing liar di Taman Sri Tambun, Ipoh kelmarin.



ANTARA anjing liar yang berkeliaran di halaman rumah penduduk di Taman Sri Tambun, Ipoh.

Budak lelaki sembilan tahun tersembam diserang depan rumah

## Patah gigi dikejar anjing liar

Oleh ZAKI SALLEH

IPOH – Seorang kanak-kanak lelaki berusia sembilan tahun patah dua batang gigi selain cedera pada gusi, dagu dan hidung selepas terjerat akibat dikejar dua ekor anjing liar di Taman Sri Tambun di sini, petang kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira pukul 5 petang itu, mangsa, Muhammad Rayyan Ihsan Nazarfitri dikatakan cuba melarikan diri selepas diserang anjing berkenaan menyebabkan dia tersembam dan mengalami luka.

Bapa mangsa, Nazarfitri

Sulaiman berkata, dia hanya mengetahui mengenai kejadian itu selepas terdengar jeritan isterinya yang memaklumkan kejadian menimpa anak mereka.

"Saya terus keluar rumah untuk memeriksa keadaan anak yang mengalami kecederaan pada dagu, mulut, hidung dan muka.

"Anak saya kini dirawat di Hospital Pantai di sini dan hasil pemeriksaan doktor mendapati dua batang gigi telah patah, manakala gusi pula terkoyak," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Menurut Nazarfitri, ini bukan kejadian pertama serangan anjing liar di taman perumahan itu, malah dia dan beberapa orang penduduk pernah membuat aduan kepada pihak Majlis Bandaraya Ipoh tetapi tiada tindakan diambil.

Ujarnya lagi, anjing liar yang berkeliaran juga sering masuk ke halaman rumah sehingga menimbulkan kebimbangan terutama kepada anak-anak kecil.

"Pada hari sama kira-kira pukul 1 petang, anak jiran juga dikejar anjing liar tetapi mujurlah kejadian itu dilihat oleh beberapa

orang penduduk.

"Saya berharap pihak berkuasa tempatan segera mengambil tindakan menangkap anjing liar bagi mengelakkan insiden sama berulang," katanya.

Ekoran kejadian itu, beliau telah membuat laporan di Balai Polis Tambun pada hari sama mendesak pihak berkuasa mengambil tindakan segera.

Kosmo! kelmarin melaporkan seorang bayi perempuan berusia tujuh hari cacat seumur hidup selepas tangan kanannya putus digigit seekor anjing baka plott hound di Bachang, Melaka.